

# 1 MEMAHAMI RANCANGAN PERNIAGAAN

---

## Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

---

- ✓ Menyatakan maksud rancangan perniagaan
  - ✓ Menerangkan tujuan rancangan perniagaan
  - ✓ Menyenaraikan ciri-ciri rancangan perniagaan
  - ✓ Menjelaskan kepentingan rancangan perniagaan
  - ✓ Mengenal pasti siapa penulis rancangan perniagaan
  - ✓ Menentukan bilakah rancangan perniagaan harus ditulis
  - ✓ Membezakan setiap pembaca rancangan perniagaan
- 

## 1.1 DEFINISI RANCANGAN PERNIAGAAN

Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan? Rancangan perniagaan ialah dokumen bertulis yang lengkap bagi sesebuah perniagaan/organisasi/syarikat. Rancangan perniagaan boleh diibaratkan sebagai sebuah kitab yang merupakan garis panduan dan pegangan bagi seseorang usahawan dalam usaha mereka menerajui perniagaan masing-masing. Rancangan perniagaan adakalanya dianggap sebagai 'pencerita' kepada perniagaan. Ia bermaksud semua 'cerita' penting berkaitan perniagaan akan diceritakan di dalam rancangan perniagaan usahawan tersebut.

Antara maklumat penting yang seringkali dimasukkan ke dalam rancangan perniagaan ialah:

- Maklumat berkaitan perniagaan yang dijalankan usahawan
- Maklumat mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan
- Maklumat berkaitan usahawan atau pemilik perniagaan
- Maklumat berkaitan pekerja dan imbuhan
- Maklumat berkaitan modal, jualan, untung rugi dan kewangan perniagaan
- Maklumat mengenai pengeluaran produk atau perkhidmatan
- Lain-lain yang berkaitan dengan perniagaan usahawan

## 1.2 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Penulisan rancangan perniagaan dilakukan atas banyak sebab. Antaranya:

1. Rancangan perniagaan sebagai rujukan kepada semua data dan maklumat perniagaan usahawan.
2. Rancangan perniagaan sebagai proposal untuk usahawan memohon pinjaman atau pembiayaan perniagaan. Rancangan perniagaan ini akan dinilai oleh pihak institusi kewangan atau perbankan yang dipohon usahawan.
3. Rancangan Perniagaan sebagai kertas cadangan untuk membuat tambahan pinjaman (selalunya berlaku apabila perniagaan ingin dikembangkan). Usahawan boleh mengemukakan rancangan perniagaan yang baru untuk tujuan ini dan menyatakan atas sebab apakah beliau memerlukan tambahan kewangan.
4. Rancangan Perniagaan sebagai pencerita kepada prototaip, reka bentuk produk, perkhidmatan, sistem dan idea sebelum ia dihasil dan dikomersilkan.